**KENYATAAN MEDIA**
**PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK**
**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (20 MEI 2021)** - Pesuruhjaya Kanak-kanak, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Prof Dato’ Noor Aziah Mohd Awal tidak senang dengan laporan penangkapan beberapa orang kanak-kanak di Sentul, Kuala Lumpur dan Parit Raja, Batu Pahat, Johor, yang berlaku pada 13 Mei 2021. Menurut laporan, kanak-kanak di Sentul telah ditahan di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaaan dan Seksyen 3(5) Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955; sementara di Batu Pahat, tiga (3) kanak-kanak telah ditahan kerana terlibat dalam satu demonstrasi. Dalam kedua-dua insiden, kanak-kanak tersebut telah digari, diambil gambar dan ditahan di lokap polis.

Pesuruhjaya Kanak-kanak ingin mengetengahkan bahawa penahanan tersebut adalah bertentangan dengan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC). Berdasarkan Seksyen 83A Akta 611, seorang kanak-kanak yang ditahan tidak boleh digari, dan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak hendaklah dimaklumkan berhubung keberadaan kanak-kanak tersebut. Di bawah Akta yang sama dan CRC, ia menyatakan bahawa identiti kanak-kanak perlu dilindungi dan tidak didedahkan, dan hak kanak-kanak untuk berunding dengan peguam pilihannya. Selain itu, kanak-kanak tersebut hendaklah tidak ditahan di balai polis atau tempat tahanan atau bergaul dengan seseorang dewasa yang telah didakwa dengan sesuatu kesalahan.

Pesuruhjaya Kanak-kanak menekankan bahawa penahanan kanak-kanak sepatutnya menjadi langkah terakhir kerana adalah memadai untuk kanak-kanak diberi amaran atas kesalahan kecil yang dilakukan. Jika satu tangkapan terpaksa dibuat, kepentingan terbaik kanak-kanak hendaklah dipertimbangkan sepenuhnya oleh pihak berkuasa. Hak kanak-kanak yang melanggar undang-undang adalah cenderung diabaikan dan diketepikan semasa tangkapan dibuat. Kanak-kanak sebegini sepatutnya dilayan sebagai tidak bersalah sehinggalah dibuktikan bersalah, yang mana adalah seringkali kanak-kanak sebegini kebiasaannya merupakan mangsa yang memerlukan penjagaan dan perlindungan. Pesuruhjaya Kanak-kanak mengulangi gesaannya agar polis lebih bersikap berhemah ketika menangani kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang.

**-TAMAT-**

**Professor Dato' Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Pesuruhjaya Kanak-Kanak**
**20 Mei 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my*